TransKoM 2021-2025 pacu pembangunan koperasi negara

Pembabitan lebih menyeluruh sasar lahir ramai usahawan ekonomi digital, teknologi hijau

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 yang dilancarkan semalam, bakal menjadi pemacu utama untuk membangun sektor koperasi negara berkembang maju serta pembabitannya yang lebih menyeluruh dalam bidang utama ekonomi negara.

Berpaksi lima bidang tujahan, 20 langkah strategik dan 36 program serta aktiviti, sasaran akhir TransKoM, antara lainnya akan menyaksikan penubuhan sebuah universiti koperasi serta melahirkan lebih ramai usahawan yang terbabit dalam bidang ekonomi digital, teknologi hijau, pertanian moden dan perniagaan berteraskan industri 4.0.

Ia juga berupaya mempercepat sasaran lima peratus sumbangan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2025, disamping meningkatkan jumlah koperasi wanita daripada hanya 1.9 peratus sahaja daripada keseluruhan koperasi berdaftar ketika ini, kepada angka lebih tinggi.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin, ketika berucap melancarkan TransKoM 2021-2025, yakin pelan itu berupaya menjadi pemacu kepada pembangunan koperasi yang lebih progresif dan berdaya saing, seterusnya menjamin kelangsungan sektor koperasi negara sebagai penyumbang terbesar kepada peningkatan sosioekonomi dan kesejahteraan masyarakat di negara ini.

"TransKom yang dibangunkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bertepatan dalam menjadi paksi transformasi kepada Gerakan Koperasi di Malaysia," katanya.

Yang hadir sama pada majlis pelancaran itu, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tunku Jaafar serta Timbalannya, Datuk Mas Ermieyati Samsuddin.

TransKoM 2021-2025 yang melalui tiga fasa pelaksanaan, mensasarkan lima impak transformasi selepas lima tahun iaitu kepada Gerakan Koperasi, anggotanya, kepemimpinan dan pengurusan koperasi, model perniagaan serta masyarakat.

Muhyiddin berkata, penubuhan sebuah institusi pendidikan tinggi bertaraf universiti dibawah TransKoM, dengan pengkhususan kepada pendidikan koperasi dan keusahawan juga, akan bertindak sebagai platform bagi membentuk generasi peneraju baru berpengetahuan dan mempunyai kemahiran perniagaan serta keusahawanan.

"Saya juga menyeru supaya lebih ramai generasi muda terutama golongan belia serta graduan malahan siswazah untuk turut sama menggembleng idea dan tenaga bagi memperkasakan Gerakan Koperasi kerana golongan ini adalah pelapis dalam memacu pembangunan sosioekonomi negara.

"Pembabitan aktif serta komitmen anggota dalam koperasi pula adalah kritikal bagi kelangsungan dan penentu kejayaan koperasi," katanya.

Muhyiddin berkata, kerajaan sememangnya komited dalam menyediakan hala tuju strategik dan dinamik untuk memulihkan semula ekonomi, termasuk bagi sektor koperasi.

"Saya kira inilah masa yang sesuai untuk melaksanakan langkah transformasi bagi memperkasa Gerakan Koperasi di Malaysia, sebagai pemangkin atau 'catalyst' kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan," katanya.

Muhyiddin juga mahu dasar koperasi yang tamat tahun ini, diperbaharui supaya ia menjadi suatu dasar yang kondusif dan inklusif bagi memastikan koperasi negara terus diperkasakan dan tidak lagi berada pada takuk lama.

Dalam pada itu, beliau meminta semua 14,668 koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menjadi aktif dalam perniagaan koperasi untuk sama-sama meningkatkan prestasi ekonomi negara.

"Koperasi yang tidak aktif dan dorman, harus bangkit dan bersama-sama menjadi agen transformasi koperasi Malaysia.

"Saya ingin menyeru semua pihak yang terbabit dalam pembangunan sektor koperasi terutamanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) serta Gerakan Koperasi memberikan kerjasama dan komitmen padu dan berterusan kepada MEDEC dalam melaksanakan anjakan transformasi yang dibawa melalui TransKoM 2021-2025 ini," katanya.